



Anwar bersama Mohd Na'im pada perasmian Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-63 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, malam kelmarin.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

PM jamin angkat martabat Islam

Kerajaan turut lindungi hak setiap warga beragama demi pertahan keadilan

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan akan memastikan keadilan dan kesejahteraan dinikmati semua kaum di negara ini, namun menegaskan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan tidak wajar dipertikaikan.

Justeru, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus mengangkat martabat dan mempertahankan agama Islam.

Pada masa sama, katanya, kerajaan akan melindungi hak setiap warga negara termasuk masyarakat bukan Islam, Hindu, Kristian dan Buddha.

"Islam adalah agama Persekutuan, tidak harus sesiapa pertikaikan tetapi kita juga akui sebagai negara pelbagai kaum, kita tetap menyantuni dan memberi jaminan keadilan, kesejahteraan hidup bagi semua warga di negara ini.

"Bagi menjamin keamanan di negara ini, kita perlu memupuk pemahaman ini. Saya percaya perkara itu adalah sesuatu yang

ditekankan oleh agama," katanya berucap pada Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-63 Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), malam kelmarin.

Hadir sama, Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar.

Tangani isu Islamofobia

Anwar berkata, kerajaan juga akan menyediakan peruntukan dan sokongan mencukupi bagi meningkatkan kefahaman mengenai Islam sebagai usaha menangani Islamofobia.

Katanya, ia penting kerana Islamofobia terbukti mewujudkan penjajahan imperialisme dan menyekat kemaraan Islam.

"Pemikir Palestin, Edward Sa'id menyatakan, mereka yang menentang Islam itu jahil dan dangkal mengenai Islam.

"Tanggungjawab kita dalam mengungkapkan idea Malaysia MADANI mestilah cuba mengangkat martabat umat dan negara ke mercu lebih baik.

"Kita mampu jika kita bersatu dan memberikan tekad usaha yang lebih untuk memahami al-Quran, membaca serta berikan penjelasan, pencerahan tentang apa maksud Islam dalam negara pelbagai kaum, pelbagai agama," katanya.

Terdahulu, majlis bermula de-

ngan bacaan johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Mazamir Dawud peringkat antarabangsa 2022 di Algeria, Ahmad Azfar Azraie, 11.

Empat peserta membuka tirai MTHQA Ke-63 malam kelmarin iaitu Ahmed Masoud Juma dari Kenya, Hawraa Amer Yaseen (Iraq), Abdul Basit Al-Ahmad (Turkiye) dan peserta Afrika Selatan, Shahidah Jabaar.

Bertemakan 'Perpaduan Teras Malaysia Madani', Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-63 berlangsung selama enam hari di sehingga 24 Ogos ini.

Malam tadi, lapan lagi peserta memperdengarkan bacaan dengan dua daripadanya qari dan qariah dari Brunei iaitu Awang Mohd Zul-Hafiz Awang Tengah dan Dayangku Fauziah Nadhirah Pengiran Haji Jofri.

Enam lagi peserta ialah So-byan Aly dari Kemboja, A'tiqah Suhaimi (Singapura), Raez Nackerdien (Macedonia), Sara Belmamoun (Maghribi), Muhammad Hammad (England) dan Aftar Noeranie Badullah (Belanda).

Dalam perkembangan lain, Anwar akan bertemu Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan di New York, bulan depan bagi membicarakan isu Islamofobia di peringkat global.

"Bulan depan di New York, Insya-Allah, bersama Presiden Turkiye membicarakan langkah susulan bagi menghadapi Islamofobia ciptaan Barat," katanya.